

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**RDG 333 – REKABENTUK DALAMAN**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. Jawab **TIGA** soalan dari **Bahagian A** dan **SATU** soalan dari **Bahagian B (WAJIB)**.

**Bahagian A (Jawab TIGA soalan sahaja)**

1. Peranan seseorang perekabentuk dalaman tidak hanya merancang ruang dan mengspesifikasi kemasan malahan lebih daripada itu seperti mengendalikan pembaikpulihan penyewa iaitu 'tenant improvement' (T.I.) atau penglibatan secara bersama dengan arkitek, jurutera maupun kontraktor dalam menjayakan pengubahsuaian sesuatu ruang dalaman yang lebih kompleks.

**Berdasarkan Jadual 1:**

- (a) Rangkakan satu belanjawan untuk pembaikpulihan penyewa (T.I.) bagi pejabat baru di dalam ruang terbuka pembinaan kerangka. Ruang T.I. ialah 5,000 kaki persegi.
- (b) Hitungkan jangkaan jumlah kos yang perlu dikenakan kepada pelanggan.


**Pejabat**

		Rendah	Sedang	Tinggi
<b>Besar &gt;50,000 kaki persegi</b>				
Kos Pemasangan	\$/kaki persegi	15	35	50
Kos Kerja	%	3	4	5
<b>Sedang &gt;50,000&lt; kaki persegi</b>				
Kos Pemasangan	\$/kaki persegi	-	-	-
Kos Kerja	%	3	3	4
<b>Rendah &lt;50,000 kaki persegi</b>				
Kos Pemasangan	\$/kaki persegi	10	20	30
Kos Kerja	%	3	4	6

**Jadual 1: Kos rekabentuk dalaman dan bayaran khidmat Perebentuk Dalaman berdasarkan jenis bangunan**


( 20 markah )

2. Berdasarkan Rajah 1: Carta kekotak kaitan antara fungsi-fungsi ruang dan Rajah 2: Laluan bebas halangan minima Orang Kurang Upaya (OKU), lakarkan beserta ukuran di atas kertas graf (beri pertimbangan terhadap jarak maksima memasak iaitu yang berukuran 21 kaki).
- (a) Satu pelan lantai dapur institusi.  
 (b) DUA keratan rentas ruang dapur iaitu Keratan A-A dan Keratan B-B.



Nota: Peratusan peruntukan ruang untuk dapur institusi berkediaman OKU-penerimaan (5%), simpanan (20%), penyediaan (15%), masak (10%), oven (10%), membasuh pinggan mangkuk (5%), ruang masuk (15%), sampah (5%), dan ruang lain termasuk ruang kemudahan pekerja (15%)

**Rajah 1: Rajah kekotak kaitan antara fungsi-fungsi ruang**



**Rajah 2: Laluan Bebas Halangan Minima Orang Kurang Upaya (OKU)**

(20 markah)  
...4/-

3. Promosi digital adalah suatu inovasi mempromosikan sesuatu servis atau produk yang mula diperkenalkan dalam pertengahan tahun 90' an. Promosi digital mampu menyampaikan maklumat secara meluas kepada pengguna menerusi media interaktif teknologi dan pemasar mampu memampatkan maklumat yang banyak ke dalam ruang yang kecil di samping ia juga menjimatkan kos .
- (a) Nyatakan 4 kaedah promosi digital yang boleh disampaikan kepada orang awam.
  - (b) Bagaimanakah caranya maklumat boleh dimampatkan dengan menggunakan ruang yang lebih kecil.
  - (c) Nyatakan 2 alat yang boleh digunakan untuk menyampaikan maklumat yang lebih banyak.
  - (d) Berikan satu contoh dengan lukisan media yang boleh anda gunakan untuk promosi digital. Contohnya: kulit cakera padat.

(20 markah)

4. Kualiti rekaan bangunan menentukan kualiti lingkungan hidup manusia. Rekabentuk tropikal memperhitungkan kepentingan manusia penghuninya dan memperlihatkan hubungan erat dengan alam sekitar.
- (a) Huraikan takrifan rekabentuk tropikal.
  - (b) Lakarkan secara ringkas ciri-ciri rekabentuk tropikal.
  - (c) Apakah yang anda faham akan keistimewaan Pura Tanjung Sabtu dan BON?

(20 markah)

**Bahagian B (WAJIB)**

5. Berpandukan pelan cadangan premis kedai X (Rujuk lukisan No. X101 & X102),uraikan dan perincikan **Jadual Kemasan** berikut:

**Jadual Kemasan**

Lokasi / Ruang	Kemasan Lantai	Kemasan Dinding	Kemasan Dinding	Kemasan 'Skirting'
Ruang Jualan				
Pejabat Pengurus				
Bilik/ Surau (L) & (P)				
Bilik Utiliti				
Tandas (OKU) & (P)				
Tandas (L)				
Bilik meter/ 'Gen-Set'				

- (a) Buat lakaran terperinci DUA contoh bahan kemasan yang dicadangkan teknik pembinaan dan pemasangan bahan tersebut.
- (b) Hitungkan keperluan minima jumlah unit-unit/tenaga hawa dingin di dalam premis kedai X khususnya ruang pejabat dan ruang jualan tersebut bagi memenuhi syarat keselesaan serta piawaian yang diluluskan.

( 40 markah )

-000 O 000-

...6/-